

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN  
HAJI NASARAH  
[LENGGONG]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019**

**MENJAWAB**

**SOALAN NO. 54**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji semula undang-undang seksyen 377B dan undang-undang 377C agar hukuman lebih berat diberikan kepada pesalah seks luar tabii agar ianya menjadi pengajaran kepada masyarakat.

**JAWAPAN**

Pada masa ini, tiada cadangan untuk mengkaji peruntukan hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen 377B dan seksyen 377C Kanun Keseksaan [Akta 574] kerana hukuman yang diperuntukkan dalam kedua-dua seksyen tersebut adalah mencukupi. Seksyen 377B memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua puluh tahun dan juga sebatan. Seksyen 377C pula memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang dari lima tahun dan tidak melebihi dua puluh tahun dan juga sebatan.

***Punishment for committing carnal intercourse against the order of nature***

***377B.*** *Whoever voluntarily commits carnal intercourse against the order of nature shall be punished with imprisonment for a term which may extend to twenty years, and shall also be punished with whipping.*

***Committing carnal intercourse against the order of nature without consent, etc.***

***377C.*** *Whoever voluntarily commits carnal intercourse against the order of nature on another person without the consent, or against the will, of the other person, or by putting the other person in fear of death or hurt to the person or any other person, shall be punished with imprisonment for a term of not less than five years and not more than twenty years, and shall also be punished with whipping.*

Sekian, terima kasih.